

Naik taraf sungai atasi banjir

» *Projek dijangka siap dalam tempoh tiga minggu*

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar
bhizar@bharian.com.my

► **Melaka Tengah**

Projek melebar dan mendalamkan Sungai Duyong, Air Panas dan Bemban bagi mengatasi masalah banjir kilat di Tehel, Jasin, di sini, dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga minggu.

Pelaksanaan projek bermula minggu lalu itu giat dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka sekali gus bakal memberi manfaat kepada penduduk di kawasan terbabit.

Ketua Menteri Melaka, Datuk

Seri Mohd Ali Rustam, berkata tumpuan diberikan bagi kerja melebar dan mendalamkan ketiga-tiga sungai berkenaan, berikutan ia dikenal pasti sebagai punca utama berlaku banjir kilat di sekitar Tehel.

Atasi limpahan air sungai

Katanya, sebanyak lima jengkaut digunakan oleh JPS negeri bagi melebar dan mendalamkan Sungai Bemban hingga ke Sungai Air Panas sejauh enam kilometer, bertujuan mengelakkan limpahan air ketika hujan lebat.

"Justeru, sebaik projek siap, kita yakin ia akan dapat menyelesaikan masalah banjir di Tehel dan kawasan sekitarnya, yang berlaku limpahan air ketika banjir kilat minggu lalu," katanya.

“**Sebaik projek siap, kita yakin ia akan dapat menyelesaikan masalah banjir di Tehel dan kawasan sekitar**”

Mohd Ali Rustam,
Ketua Menteri
Melaka

Beliau berkata demikian selepas melawat tapak projek melebar dan mendalamkan Sungai Duyong di Kampung Pangkalan Badak, Bukit Katil, di sini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian Melaka, Datuk R Perumal dan Pengarah JPS Melaka, Gapar Asan.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri juga sedang berusaha men-

dapatkan peruntukan RM70 juta daripada Kerajaan Pusat bagi projek pembinaan dua kolam takungan banjir di Sungai Bemban dan Sungai Air Panas.

Berusaha dapat peruntukan

"Kita (kerajaan negeri) sedang berusaha mendapatkan peruntukan ini bagi mempercepatkan kerja membina kolam takungan banjir di kedua-dua sungai sekali gus dapat mengatasi masalah banjir, di samping mengurangkan kos kerugian

yang terpaksa ditanggung rakyat setiap kali banjir," katanya.

Sementara itu, Mohd Ali turut meminta penduduk yang terbabit banjir kilat minggu lalu supaya membuat laporan polis mengenai kerugian yang dialami.

"Bagi memudahkan kerajaan negeri menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir, mereka diminta segera membuat laporan di balai polis berhampiran dengan mengisi butiran diri dan anggaran kerugian," katanya.



Mohd Ali (kiri) bersama Perumal (dua dari kanan) dan Gapar (kanan) melawat kawasan punca banjir di Sungai Duyong.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY / BH]